

# PM yakin Malaysia boleh jadi pembekal perisian

**BH 27 AUG 2001**  
KUALA LUMPUR, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Malaysia berpotensi menjadi pusat serantau atau sejagat bagi perisian komputer pelbagai bahasa.

Perdana Menteri berkata, ini kerana Malaysia mempunyai penduduk pelbagai kaum yang bertutur banyak bahasa.

Sehubungan itu, Dr Mahathir mengajak semua kaum merebut peluang mengembangkan perisian bahasa lain bagi mencapai hasrat itu.

Malah, katanya, menurut pakar industri lebih 50 peratus kandungan dalam Internet adalah dalam bahasa lain, selain Inggeris.

Dr Mahathir memberi contoh, sebuah laman web berbahasa Melayu boleh menjangkau rantau ini dan berpotensi untuk dilayari lebih lima juta pengguna yang bertutur bahasa itu.

"Sebuah laman web dalam bahasa Cina pula dengan mudah boleh menarik minat 30 juta orang Cina yang mengguna Internet setiap hari. Begitu juga dengan laman web Tamil kerana lima juta pengguna Internet yang bertutur bahasa itu menggunakan Internet setiap hari.

"Oleh itu, Malaysia mempunyai peluang besar untuk muncul sebagai pusat serantau, jika tidak global bagi perisian pelbagai bahasa. Apa yang diperlukan ialah perancangan lebih kemas," katanya ketika merasmikan Pameran dan Seminar Internet Tamil 2001 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata beliau tertarik dengan cadangan MIC untuk mengadakan satu skim khas di Koridor Raya Multimedia (MSC) bagi melahirkan masyarakat India Malaysia yang mahir dalam membangunkan perisian bahasa Tamil.